



## KENYATAAN MEDIA

### INISIATIF PRIHATIN BANJIR TEKUN BANTU USAHAWAN

---

**KUALA LUMPUR, 20 JANUARI 2021** – TEKUN Nasional menawarkan Inisiatif Prihatin Banjir kepada usahawan TEKUN yang terkesan dengan banjir. Inisiatif ini adalah bagi meringankan beban yang dihadapi oleh usahawan sama ada menjejaskan premis perniagaan, kerosakan stok barangan atau pun kediaman mereka.

YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, “Antara kemudahan yang ditawarkan oleh TEKUN Nasional adalah menyediakan moratorium sehingga 6 bulan kepada usahawan yang sukar untuk membayar balik pembiayaan akibat terkesan dengan banjir”.

“Selain itu, usahawan TEKUN yang terjejas dengan banjir dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan dalam akaun pembiayaan mereka dan boleh membuat penjadualan semula pembiayaan. Bagi usahawan TEKUN yang mengalami kerosakan premis perniagaan dan stok barangan, mereka boleh memohon pembiayaan bertindih (*overlapping*) untuk memulakan semula perniagaan yang terjejas”.

“Dalam tempoh yang sukar ini usahawan seharusnya dibantu bagi memastikan mereka dapat meneruskan perniagaan dan kelangsungan hidup mereka”, tambah beliau.

Usahawan boleh mengemukakan permohonan di semua Pejabat TEKUN Cawangan dengan menyertakan 2 keping gambar premis perniagaan / rumah yang terlibat bencana serta mendapatkan pengesahan Pegawai TEKUN di cawangan berdekatan berkaitan bencana banjir. Permohonan boleh dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh berlakunya bencana banjir.



Maklumat lanjut mengenai Inisiatif Prihatin Banjir TEKUN ini akan diwar-warkan di media sosial TEKUN dalam tempoh terdekat.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga 2020, TEKUN Nasional telah memberi pembiayaan perniagaan kepada 474,965 orang usahawan yang bernilai RM6.4 billion di seluruh negara.

TEKUN Nasional akan terus komited dalam membantu usahawan mikro dalam menyediakan pembiayaan serta pembangunan usahawan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**20 JANUARI 2021**